

+GF+

# Kod Tatakelakuan

## GF

Sah setakat 31 Disember 2022

# Isi Kandungan

<b>1</b>	<b>Kata Pengantar oleh Pengerusi Lembaga dan Ketua Pegawai Eksekutif</b>	3
<b>2</b>	<b>Kod Tatakelakuan GF</b>	4
	a. Hierarki	4
	b. Kepada siapa Kod tatakelakuan GF dikenakan?	4
<b>3</b>	<b>Visi, Tujuan dan Nilai kami</b>	6
<b>4</b>	<b>Hak-hak and tanggungjawab pekerja</b>	8
	a. Prinsip-prinsip	8
	b. Menghormati hak manusia	8
	c. Penggunaan dadah dan alkohol di tempat kerja	9
	d. Keselamatan pekerjaan dan kesihatan di tempat kerja	10
	e. Waktu berkerja dan cuti	11
<b>5</b>	<b>Melindungi harta GF</b>	20
	a. Harta Operasi	20
	b. Harta Intelek	21
<b>6</b>	<b>Pengendalian maklumat, data dan dokumen</b>	22
	a. Maklumat Sulit	22
	b. Perlindungan data	22
	c. Tanggungjawab digital korporat dan kepintaran buatan	23
	d. Pengurusan dokumen	23
<b>7</b>	<b>Komunikasi, hubungan media dan penggunaan media sosial</b>	24
<b>8</b>	<b>Salah laku / Pemberi Maklumat / GF Transparency Line</b>	25
<b>9</b>	<b>Soalan mengenai Kod Tatakelakuan GF</b>	26
<b>10</b>	<b>Kesahihan</b>	27

# Kod tatakelakuan GF yang baharu – kenyataan peribadi daripada Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif

Rakan – rakan sekerja sekalian,

Kami amat berbesar hati untuk membentangkan Kod Tatakelakuan GF yang baharu kepada kalian. Kod Tatakelakuan GF ini bukan sahaja mencerminkan persekitaran perniagaan kami yang berubah dengan pantas, tetapi ia juga mencerminkan transformasi yang sedang berlaku di syarikat kami dalam menjadi pemimpin inovasi dan kelestarian.

Pada masa ini dan masa hadapan, perkara yang tidak berubah adalah bagaimana kepercayaan dalam kakitangan kami di seluruh dunia dan cara aktiviti perniagaan global kami dijalankan merupakan prasyarat untuk kejayaan dan pertumbuhan kami. Nilai yang mampan dan berjangka panjang hanya boleh dijana jika tingkah laku kami adalah sempurna dari segi undang-undang dan etika. Pelanggan, pekerja, pemegang saham dan pihak berkepentingan lain yang mempunyai hubungan langsung atau tidak langsung dengan GF harus mempunyai kepercayaan bahawa kami dipandu oleh piawaian etika dan moral di dalam semua aktiviti-aktiviti kami. Kami komited untuk tidak berkompromi

dengan pematuhan semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan, untuk pembangunan mampan, dan untuk menghormati dan bertanggungjawab terhadap pekerja, rakan kongsi perniagaan, persekitaran dan masyarakat.

Kod Tatakelakuan ini mengawal hak dan tanggungjawab semua pekerja GF serta pinsip-prinsip yang diikuti dalam kerja harian kami. Ia merupakan kompas yang membantu kami dalam situasi yang mencabar dan membolehkan kami membuat pilihan yang betul – terutamanya semasa tempoh perubahan. Semua pekerja GF mesti bertanggungjawab terhadap Kod Tatakelakuan dan mematuhiinya. Jika tindakan kami adalah berdasarkan prinsip-prinsip ini, kami boleh bersama-sama menjamin reputasi, kredibiliti dan integriti syarikat kami dan juga kejayaan perniagaan yang lestari untuk jangka masa yang panjang.

Kami ucapkan terima kasih kepada anda semua atas kerjasama dalam cara kehidupan yang menegakkan nilai dan integriti GF.



Yves Serra  
Pengerusi Lembaga Pengarah



Andreas Müller  
Ketua Pegawai Eksekutif




## Bab 1

# Kod Tatakelakuan GF

### a. Hierarki

Tatakelakuan GF berada di barisan hadapan dalam semua dasar dan prosedur, tetapi ia bukan satu-satunya set garis panduan dalam Perbadanan ini yang dikeluarkan oleh Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Eksekutif dan Bahagian individu. Pematuhan kawal selia secara semula jadi tidak membebaskan kami daripada tanggungjawab untuk mengambil tahu serta mematuhi undang-undang tempatan yang berkaitan.

"Kita" atau "Kami" bermaksud anda, penerima atau penerima tatakelakuan, bersama dengan GF.




### b. Kepada siapa Kod tatakelakuan GF dikenakan?

Kod Tatakelakuan GF terpakai kepada semua pekerja yang bekerja sepenuh masa atau separuh masa untuk syarikat GF di seluruh dunia, kepada Ahli-ahli Lembaga Pengarah dan pengurusan Perbadanan di mana GF memiliki lebih daripada 50% atau merupakan peneraju industri dalam syarikat tersebut.

Setiap pekerja akan menerima sama ada salinan digital atau salinan bercetak dan mereka harus menandatangani akuan persetujuan tersebut.

Agensi-agensi sementara juga bertanggungjawab untuk menerima Kod Tatakelakuan GF dan berjanji bahawa orang yang bekerja buat sementara waktu untuk syarikat GF akan mematuhi Kod Tatakelakuan tersebut.

**Kod untuk Rakan Kongsi Perniagaan** terpakai kepada kontraktor bebas, perunding, pembekal dan rakan kongsi perniagaan pihak ketiga lain yang menjalankan perniagaan dengan GF.





# Visi, Tujuan dan Nilai kami

**GF merupakan peneraju yang mampan dan berinovatif yang memberikan nilai pelanggan yang unggul. Visi, tujuan dan nilai-nilai**

**GF merangkumi falsafah dan semangat GF dalam menjalankan kerja harian kami yang memanfaatkan Perbadanan ini, pelanggan-pelanggan GF, pekerja, rakan kongsi perniagaan, pemegang saham dan pemegang bon. Tujuan/objektif GF mendorong kami untuk memberikan yang terbaik setiap hari:**

**Becoming better every day –  
since 1802.**

**PRIHATIN adalah tentang menjadi ahli pasukan**

Kami hanya boleh menang sebagai satu pasukan. Budaya prihatin GF adalah kunci untuk mewujudkan persekitaran yang saling menyokong, mempercayai dan juga kolaboratif -dengan menyatukan orang ramai, menggalakkan perbincangan yang konstruktif yang mewujudkan pasukan-pasukan yang berprestasi tinggi.





## PEMBELAJARAN adalah tentang memiliki minda yang terbuka

Dalam dunia yang cepat berubah, kami harus terbuka kepada idea, konsep dan kaedah-kaedah baharu.

Kita perlu mempunyai semangat untuk memulakan laluan baru. Kita harus mengentikkan pemikiran silo dan belajar daripada dan bekerjasama dengan yang terbaik, jika kita belajar dengan cepat dan berkongsi pelajaran yang dipelajari. Kita memupuk tingkah laku proaktif untuk meneroka dan belajar.


Kejayaan lepas GF bukan sesuatu jaminan. Walau bagaimanapun, fikiran terbuka, merupakan prasyarat untuk mencapai kejayaan pada masa hadapan.

## PRESTASI adalah tentang kepantasan dan kecemerlangan

Dunia ini berubah dengan pantas. Dan pada setiap masa. Visi GF bukan sahaja untuk mengekori landskap yang sentiasa berkembang, tetapi untuk membentuk masa depan dan juga untuk menerajui pasaran.

Walau apapun yang kami lakukan, kami perlu bermain di liga teratas. Ia bukan sahaja berkaitan dengan hasil, tetapi juga mengenai bagaimana kita mencapai hasil tersebut dan berapa lama lagi yang diperlukan untuk mencapai hasil tersebut. Oleh itu, fokus adalah kunci utama.

Kami menunjukkan dorongan dan pemilikan serta berpotensi penuh – pada semua peringkat.



## Bab 3

# Hak-hak and tanggungjawab pekerja

### a. Prinsip-prinsip

GF komited kepada peluang yang sama rata, penghormatan, kepercayaan dan juga pencapaian. Ia menawarkan pekerja janya persekitaran kerja yang mencabar dan menarik. GF menggalakkan pekerja janya untuk memenuhi potensi mereka dengan menetapkan sasaran yang tinggi. Setiap pekerja di GF mempunyai hak untuk menyemak prestasi individu tersebut.

Kami memupuk budaya di mana individu-individu boleh mengembangkan bakat dan idea-idea mereka dan di mana mereka mempunyai inspirasi untuk mencapai matlamat yang tinggi. Kami berharap agar pengurus-pengurus kami memperkenalkan sikap kepimpinan, keazaman, tanggungjawab, keberanian untuk mencuba perkara serta tingkah laku yang baharu dalam menjadi contoh teladan. GF menyokong pembangunan pekerja-pekerja, menetapkan matlamat yang tinggi, dan memberi ganjaran kepada mereka yang mempunyai prestasi yang baik.

GF menggalakkan setiap pekerja untuk bertindak secara bertanggungjawab dan untuk bekerja dalam satu pasukan.

GF memerlukan semua peraturan berkenaan waktu bekerja, kesihatan dan keselamatan pekerjaan (termasuk perjanjian perundingan berkanun atau kolektif, jika berkenaan) dipatuhi di semua lokasi di mana GF beroperasi. GF memberikan gaji yang adil dan sama rata untuk kerja yang setara dan menghormati hak pekerja untuk menyertai kesatuan-kesatuan sekerja. Kebebasan pekerja untuk menyertai kesatuan atau persatuan, ataupun untuk membuat perjanjian perundingan kolektif dihormati tanpa sebarang sekatan atau akibat. GF menggunakan prinsip-prinsip Konvensyen Diskriminasi (dalam Pekerjaan dan Jabatan) 1958 daripada Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA).

Memandangkan Kod Tatakelakuan GF tidak dapat menjangka setiap situasi yang boleh berlaku, jika diperlukan, pekerja adalah digalakkan untuk membuat pertimbangan berdasarkan pengetahuan dan kepercayaan yang terbaik dan sentiasa bertindak secara beretika dengan mengikuti undang-undang yang terpakai.

### b. Menghormati hak manusia

GF percaya bahawa hak manusia merupakan hak asasi, kebebasan dan piawaian yang mana setiap manusia berhak.

Sikap saling hormat-menghormati adalah asas kepada persekitaran kerja yang bercirikan penghargaan dan integriti peribadi. Kami komited untuk menghormati martabat manusia dan hak manusia dan untuk melindungi keperibadian setiap individu di tempat kerja dan di mana sahaja kami menjalankan perniagaan.

Kami tidak bertolak ansur dengan kerja paksa, buruh kanak-kanak, atau hukuman dera sama ada di GF atau di pembekal GF, pelanggan atau rakan kongsi perniagaan GF. Oleh itu, kami komited untuk mencegah pemedagangan manusia, hutang terikat, dan buruh hamba daripada kegiatan operasi GF dan rantaian bekalan GF. GF melarang pengambilan pekerja di bawah umur 15 tahun untuk sebarang jawatan, dan sesiapa di bawah umur 18 tahun tidak dibenarkan melakukan kerja berbahaya.

Sebarang jenis diskriminasi berdasarkan umur, identiti jantina atau ekspresi jantina, bangsa, warna kulit asal kebangsaan, etnik, agama, ketidakupayaan, orientasi seksual, gabungan politik, status kekeluargaan, latar belakang sosial atau sebarang sifat peribadi lain yang dilindungi di bawah undang-undang yang berkenaan adalah dilarang. GF menyokong kepelbagai dan persekitaran kerja inklusif dalam semua aspek perniagaannya.

**“ Kami menghormati dan melindungi integriti peribadi dan kebebasan kehendak setiap orang yang berurusan dengan kami. ”**

## c. Penggunaan dadah dan alkohol di tempat kerja

GF berusaha untuk menghapuskan halangan dan untuk mewujudkan persekitaran kerja yang membolehkan orang kurang upaya atau orang berkeperluan khas memberi sumbangan positif kepada kejayaan syarikat selaras dengan kekuatan dan kebolehan mereka.

GF tidak bertolak ansur dengan gangguan seksual. Gangguan seksual termasuk, dan tidak terhad kepada, penyentuhan yang tidak diingini, gurauan yang tidak senonoh dan penggunaan bahasa yang bermotif seksual, tayangan yang tidak diingini atau pameran awam imej lucu serta menuntut bantuan seksual dengan memberikan tekanan atau membuat janji.

GF tidak menerima sebarang bentuk gangguan, ugutan, intimidasi atau buli yang lain. Rakan sekerja tidak boleh diejek atau dikecualikan.

### Contoh

Anda mempunyai petunjuk bahawa buruh kanak-kanak diterima dalam rantaian bekalan GF.

### Apakah yang perlu dibuat

Maklumkan kepada penyelia anda dan Pematuhan Korporat. Jika anda ingin kekal tanpa nama, gunakan talian ketelusan GF.

### Mengapa perkara ini penting

Pekerjaan individu di bawah umur 15 tahun tidak sepadan dengan pemahaman nilai-nilai GF dan oleh itu ditolak sebagai perkara prinsip dan tanpa pengecualian. Jika petunjuk anda terbukti benar, ini akan memberi kesan kepada hubungan perniagaan dengan rakan kongsi tersebut sehingga menyebabkan penamatkan kerjasama.

Dadah dan alkohol boleh melemahkan keupayaan untuk membuat keputusan dan meningkatkan risiko kemalangan di tempat kerja. Penggunaan dadah, ubat-ubatan (sama ada dipreskripsi atau tidak), atau bahan lain adalah dilarang sama sekali di tempat kerja dan semasa waktu bekerja jika ia menyebabkan kemabukan atau melemahkan kesedaran, walaupun dadah atau bahan ini boleh dibeli dari sisi undang-undang di kawasan yang tempat kerja diletakkan. Alkohol tidak boleh diminum semasa waktu bekerja. Anda hendaklah bermula berkerja dan menyambung kerja anda selepas anda bebas daripada sebarang kemabukan atau gangguan kesedaran.

Merokok tidak dibenarkan di mana-mana premis GF. Walau bagaimanapun, Syarikat GF boleh menetapkan kawasan merokok di dalam atau di luar bangunan.

Q

Saya telah makan tengah hari perniagaan dan minum satu gelas wain putih, dua gelas wain merah dan wiski. Bolehkah saya pergi ke pejabat selepas itu?

Tidak, minum berlebihan bukan sahaja boleh meninggalkan kesan buruk kepada rakan kongsi perniagaan GF, ia juga akan menjelaskan anda tumpuan anda semasa bekerja. Selepas berunding dengan pegawai atasan anda, anda harus sama ada mengambil cuti atau pampasan untuk sepanjang hari tersebut.

**Amaran:** Ketidakupayaan diri sendiri untuk bekerja boleh membawa kepada sekatan disiplin.

A





## d. Keselamatan pekerjaan dan kesihatan di tempat kerja

Keselamatan di tempat kerja adalah amat penting kepada GF. Matlamat kami adalah untuk mewujudkan tempat kerja tanpa kemalangan, kerana setiap kemalangan dianggap terlalu banyak. Semua pekerja digalakkan untuk mengenal pasti sebarang potensi risiko di stesen kerja mereka sendiri dan digalakkan untuk sama ada menghapuskan risiko atau melaporkan isu tersebut kepada pengurus yang berkaitan.

Kesihatan dan kesejahteraan setiap pekerja adalah sangat penting untuk GF. GF komited untuk menyokong kesihatan pekerja dan menggalakkan mereka menjalani gaya hidup yang sihat.

Semua pekerja, kontraktor dan pembekal diwajibkan untuk mematuhi peraturan-peraturan keselamatan di tapak GF, seperti yang diterangkan dalam dokumen "Piawaian untuk Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan" GF, yang dipinda dari semasa ke semasa. Peraturan ini menetapkan standard tinggi yang ingin dimiliki oleh GF di semua tapaknya, walaupun terdapat peraturan yang tidak beberapa ketat di sesebuah negara. Setiap Syarikat GF mempunyai tanggung-jawab untuk memastikan bahawa undang-undang tempatan yang berkenaan dikenal pasti dan dipenuhi sekiranya ia melebihi had piawaian GF. Ia juga diserahkan kepada budi bicara setiap Syarikat GF untuk mengamalkan peraturan yang lebih ketat.

**“ Utamakan keselamatan! Kami mengelakkan situasi tidak selamat di tempat kerja kami. ”**



### Contoh

Anda perlu menyediakan mesin di tapak pelanggan. Kren atas yang diperlukan untuk ini tidak tersedia, dan perkara ini bertentangan dengan perjanjian yang dibuat dengan seorang pelanggan. Sebaliknya, pelanggan tersebut mahu menggunakan foklif untuk menggerakkan mesin pada sesuatu kedudukan dan menahannya sehingga ia dipasang sepenuhnya.



### Apakah yang perlu dibuat

Jangan mulakan kerja dan hubungi penyelia anda.



### Mengapa perkara ini penting

Apabila menggunakan foklif, risiko kemalangan adalah lebih tinggi berbanding dengan kren atas (foklif boleh kehilangan kesimbangan atau bergerak secara tidak sengaja, dan kren tidak boleh berbuat demikian). Tanpa mengira keadaan, ia foklif yang disediakan oleh pelanggan boleh digunakan dan sama ada ini mematuhi semua peraturan keselamatan tempatan dan garis panduan kesihatan dan keselamatan pekerjaan GF mesti dijelaskan dengan teliti terlebih dahulu dengan penglibatan pakar di GF.

## e. Waktu berkerja dan cuti

GF mematuhi waktu kerja maksimum yang sah dan menyokong pekerja dalam berusaha untuk keseimbangan antara kerja dan masa lapang.

GF memperuntukkan hari cuti atau cuti berbayar supaya pekerja-pekerja boleh berehat selaras dengan undang-undang dan peraturan-peraturan yang dikenakan. Pengurus barisan mesti memastikan bahawa pekerja-pekerja, seboleh-bolehnya, mengambil hari cuti atau cuti berbayar yang berhak diambil.




Q

Apakah yang perlu saya lakukan jika salah seorang ahli pasukan saya tidak mahu mengambil cuti kerana dikatakan mempunyai terlalu banyak kerja?

Keseimbangan antara kerja dan masa lapang adalah sangat penting. Jika hari cuti atau cuti berbayar tidak dapat diambil kerana situasi luar biasa, ia menjadi tanggungjawab pengurus barisan untuk memastikan cuti diambil selepas itu.

A



# Prinsip-prinsip aktiviti perniagaan

## a. Pematuhan undang-undang dan dasar-dasar GF

Kami mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan serta semua dasar-dasar GF. Syarikat-syarikat GF bebas mengeluarkan peraturan dalaman yang lebih ketat dalam rangka kerja undang-undang dan dasar-dasar GF yang berkenaan. Pekerja-pekerja dikehendaki mematuhi peraturan-peraturan yang lebih ketat ini.



### Contoh

Pelanggan yang berasas di luar EU ingin membeli produk GF untuk digunakan dalam EU. Spesifikasi pelanggan mematuhi keperluan domestiknya tetapi tidak dengan keperluan direktif EU yang berkaitan.



### Apakah yang perlu dibuat

Anda menunjukkan perbezaan kepada pelanggan dan tidak mengesahkan transaksi. Anda harus maklumkan kepada pihak atas anda dengan segera dan tunggu keputusan tentang cara untuk meneruskan.



### Mengapa perkara ini penting

Apa yang diletakkan di pasaran di sesebuah negara mestilah mematuhi peraturan undang-undang di negara tersebut. Perjanjian antara pelanggan dan pembekal tidak boleh mengetepikan keperluan undang-undang mandatori.

## b. Tadbir urus korporat

Tadbir urus korporat yang baik merupakan asas dalam menunjukkan cara GF menjalankan perniagaannya dari sehari ke sehari. GF dibina atas kehormatan terhadap komuniti yang kita sertai, dan untuk orang yang menjayakan operasi kita. GF mengelakkan dialog berterusan dengan pihak berkepentingan dalaman dan luarannya, untuk membolehkan isu utama diiktiraf dan ditangani secara proaktif.

GF merupakan sebuah organisasi yang mewakili pelbagai jenis perniagaan dan budaya. Sebagai sebuah syarikat, ia berbangga dengan reputasinya, dan kami berusaha untuk memupuk persekitaran kerja yang saling hormat-menghormati, menarik dan bermotivasi.

GF dengan kuat menyokong peluang yang sama dan berusaha untuk mempunyai kepelbagaian yang berkaitan dengan negara, latar belakang dan budaya serta bilangan jantina yang seimbang dalam Pengurusan, Jawatankuasa Eksekutif dan Lembaga Pengarah.

Pentadbiran korporat Prinsip tadbir urus korporat GF adalah berdasarkan Kod Amalan Terbaik Swiss untuk Pentadbiran korporat.





### c. Kelestarian

Kami melihat hal ini sebagai tanggungjawab kami untuk mengendalikan perniagaan GF dengan cara yang boleh menghasilkan impak positif sepanjang keseluruhan rantai nilai GF. GF secara aktif menyokong sepuluh prinsip UN Global Compact dan adalah komited untuk kemajuan yang berterusan untuk melaksanakannya ke dalam operasi GF.

Kami berusaha untuk mencapai tahap kualiti tertinggi dan mencipta nilai tambahan untuk pelanggan-pelanggan sementara mengikuti perkembangan teknologi, berinovasi dan juga berkembang mengikut peredaran zaman.

GF juga terus melabur dalam penaikan taraf pengeluaran dan lokasi pejabat untuk menjadikan lokasi pejabat tersebut lebih cekap dan GF juga melabur untuk mengurangkan sebarang kesan negatif terhadap alam sekitar.

Keputusan-keputusan yang dibuat GF dalam membentuk penyelesaian untuk pelanggan-pelanggannya mempunyai hubungan dengan aktiviti huluan dalam rantai nilai GF, baik dari segi sosial dan juga dari segi alam sekitar. GF mengiktiraf perkara ini dan berusaha ke arah meningkatkan ketelusan dalam rangkaian pembeliannya yang kompleks, serta bekerjasama dengan semua rakan kongsi perniagaan untuk memastikan pematuhan kepada piawaian-piawaian dan juga jangkaan-jangkaan GF.

GF mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan alam sekitar yang terpakai dan GF komited untuk menggunakan sumber asli secara cekap dan berhati-hati. GF berusaha sedaya upaya untuk memastikan produknya tidak mengandungi sebarang bahan, mineral dan komponen yang diperoleh dari sumber yang meragukan, kawasan berisiko tinggi atau daripada pembekal yang menghasilkan bahan-bahan tersebut di dalam keadaan yang meragukan.

Apabila membangunkan produk dan penyelesaian, GF mempertimbangkan kesan terhadap alam sekitar sepanjang keseluruhan kitaran hayat. Oleh itu, pertimbangan alam sekitar disepadukan ke dalam keputusan perniagaan bermula dengan fasa R&D dan sepanjang rantai nilai GF.

**Adakah anda mempunyai sebarang soalan mengenai pelanjutan di GF?**

Hantar soalan anda ke: [sustainability@georgfischer.com](mailto:sustainability@georgfischer.com)

**“** Kami bertanggungjawab hari ini untuk hari esok! **”**



**“** Di GF kami menggunakan istilah ESG dan kelestarian sebagai sinonim dan kami memahami bahawa pengurusan kelestarian sebagai mengimbangi kepentingan bidang ekonomi, sosial dan bidang tadbir urus. Rangka kerja Kelestarian mencerminkan pemahaman kami dan ia menangani cabaran sepanjang rantai nilai GF. Visi kami dan juga pelbagai dasar serta arahan korporat dalaman menyokong penyepadan kelestarian ke dalam perniagaan harian kami. **”**

## d. Penerimaan hadiah dan jemputan

Anda tidak dibenarkan menerima hadiah atau jemputan yang boleh mengakibatkan sebarang obligasi atau potensi konflik kepentingan. Hadiah bukan sahaja termasuk hadiah material, tetapi juga perjalanan berbayar, penginapan hotel atau faedah-faedah yang serupa. Walau bagaimanapun, penerimaan hadiah simbolik dan jemputan semasa urusan biasa perniagaan adalah dibenarkan. Penerimaan hadiah atau jemputan yang lebih besar adalah dilarang jika nilainya melebihi nilai lazim untuk lokasi mengikut undang-undang yang berkenaan. Syarikat GF mungkin menetapkan nilai yang lebih rendah untuk pekerja-pekerja mereka berbanding dengan nilai kebiasaan bagi lokasi tersebut.

Jika penerimaan hadiah melebihi nilai ini disebabkan oleh tradisi dan adat resam sesbuah negara, dan jika hadiah sedemikian tidak boleh ditolak atas sebab budaya, penerimaan hadiah tersebut akan dibenarkan. Sebagai peraturan umum, hadiah sedemikian mesti disediakan untuk semua pekerja. Pemberi hadiah hendaklah dimaklumkan tentang peraturan yang sedia ada ini.

Penerimaan wang atau faedah yang berasaskan tunai yang lain yang diterima daripada pihak ketiga, seperti pinjaman, sekuriti dan komisen, adalah dilarang untuk semua pekerja.

Jika anda tidak pasti, sila rujuk garis panduan pencegahan rasuah yang terdapat di intranet GF dan juga di laman web GF, atau hubungi Jabatan Undang-undang Korporat.

**“ Kami membuat keputusan semata-mata berdasarkan fakta dan kami mengelakkkan sebarang tanggapan yang mudah dipengaruhi. ”**



### Contoh

Selepas perundingan yang sukar dan panjang, anda telah berjaya menyimpulkan perjanjian penting. Rakan kongsi perniagaan tersebut dengan murah hati menjemput anda ke restoran yang mahal.



### Apakah yang perlu dibuat

Anda harus memastikan bahawa GF bukan dalam proses memulakan perniagaan dengan pelanggan ini, setelah itu maklumkan kepada pihak atasan anda dan –terima jemputan tersebut– tertakluk kepada kelulusannya.



### Mengapa perkara ini penting

Di GF, kami berkelakuan dengan cara yang sangat profesional. Kami tidak menimbulkan keraguan tentang integriti kami. Kami membuat keputusan berdasarkan fakta semata-mata. Jika jemputan itu tidak boleh lagi dan boleh dilihat belum lagi boleh mempengaruhi mana-mana keputusan anda, anda boleh menerima jemputan pelanggan tertakluk kepada kelulusan pegawai atasan anda yang dimaklumkan sepenuhnya terlebih dahulu.



## e. Korupsi

GF milarang semua bentuk korupsi, seperti rasuah dan pemberian atau penerimaan faedah-faedah lain tidak kira sama ada ia diberikan secara langsung, melalui perantara atau kepada orang persendirian atau pegawai kerajaan. Larangan ini dikenakan khususnya pada pemberian (rasuah aktif, penawaran bantuan) atau penerimaan (rasuah pasif, penerimaan rasuah) hadiah untuk tujuan mendapatkan faedah haram.

Rasuah adalah kesalahan jenayah. Pekerja juga tidak boleh dikecualikan daripada didakwa di tempat kerjanya, atau di negara pihak ketiga, walaupun kegiatan rasuah tersebut telah berlaku di lokasi yang berbeza.

Anda mesti sedar bahawa rasuah juga boleh disembunyikan, contohnya, komisen berlebihan yang dibayar kepada ejen atau perantara lain, derma kepada institusi kebajikan atau bantuan yang diberikan kepada pihak ketiga yang dikaitkan dengan individu yang menerima kelebihan itu. Sekiranya anda menghadapi sebarang keraguan, Jabatan Undang-undang Korporat harus dihubungi.

GF milarang rasuah, walaupun ia adalah sah dan menjadi kebiasaan di negara beberapa negara, dan GF memastikan bahawa perkhidmatan yang sah disediakan atau disediakan dengan lebih cepat (contohnya, pembayaran kemudahan untuk pemprosesan pelepasan kastam yang lebih pantas). GF juga tidak membayar sebarang pengugutan atau sebarang bayaran serupa.

**“ Kami tidak menawarkan mahupun menerima faedah peribadi, secara langsung maupun tidak langsung. ”**



 **Contoh**  
Korupsi tidak selalu datang dengan kekok. Sebagai contoh, anda akan diberitahu bahawa transaksi yang sah dengan sempurna akan menjadi lebih mudah untuk dicapai dan dilaksanakan jika GF menderma kepada institusi amal tertentu.

 **Apakah yang perlu dibuat**  
Anda tidak bersetuju atau menolak, dan anda juga tidak mempunyai prospek sesuatu. Sebaliknya, maklumkan kepada penyelia anda dan Pematuhan Korporat tanpa ragu-ragu. Jika anda ingin kekal tanpa nama, gunakan Talian Transparency GF.

 **Mengapa perkara ini penting**  
Seseorang boleh bertindak menyalahi undang-undang walaupun faedah tidak dituntut untuk dirinya sendiri tetapi untuk pihak ketiga. Penglibatan anda dalam perkara ini boleh dihukum oleh undang-undang, walaupun dengan motif mulia semata-mata. Sukar untuk membezakan antara pengumpulan dan undang-undang dan rasuah haram. Hanya pengurusan GF boleh membuat keputusan.



## f. Pendermaan

GF menderma (sumbangan sukarela tanpabalasan) dan penajaan (sumbangan untuk balasan yang dipersetujui melalui ikontrak) untuk membentuk imej awamnya secara positif dan untuk menyokong komuniti di mana GF hadir. Derma dan penajaan hanya diberikan dalam rangka proses kelulusan yang telus mengikut peraturan dalaman semasa GF.

GF memberikan derma dalam bentuk wang dan barang untuk bidang berikut: Sains dan penyelidikan, pendidikan, tujuan-tujuan amal, sukan dan budaya.

Derma yang diberikan oleh Syarikat GF kepada parti politik atau untuk aktiviti politik secara amnya adalah dilarang. Sebarang pengecualian mesti diluluskan oleh Jawatankuasa Eksekutif. Permintaan untuk pengecualian tersebut hendaklah dialamatkan kepada Setiausaha Korporat.

**“ Kami hanya menyokong apa yang selaras sepenuhnya dengan nilai kami dan menyumbang kepada persepsi orang ramai yang positif terhadap GF. ”**



## g. Pencegahan pelaburan wang haram

Pelaburan wang haram adalah elemen penting dalam jenayah terancang dan pembiayaan pengganas. Pelaburan wang haram bermaksud melabur wang yang diperoleh secara haram (contoh: daripada rasuah, pemerasan, pengedaran dadah, penyeludupan senjata) untuk mengembalikannya kepada kitaran kewangan dan ekonomi yang sah agar dapat menggunakan tanpa menarik perhatian. Penyertaan yang tidak disengajakan dalam pelaburan wang haram juga dianggap sebagai satu kesalahan jenayah. Pembiayaan keganasan adalah merupakan penggunaan dana untuk mem-

lihara organisasi dan infrastruktur pengganas atau untuk melakukan serangan pengganas tertentu.

Oleh itu, kami di GF dengan teliti mengesahkan identiti mana-mana rakan kongsi perniagaan (seperti pembekal, pelanggan, ejen, wakil jualan, broker, penjual semula, rakan kongsi usaha sama, perunding, pengedar dan mana-mana rakan kongsi perniagaan lain) dalam setiap permulaan dan transaksi perniagaan khususnya semasa setiap pembayaran dibuat. Kami mematuhi semua keperluan penyimpanan rekod dan perakaunan yang berkaitan dan tidak terlibat dalam sebarang kelakuan yang mungkin melanggar peraturan pelaburan wang haram domestik atau asing. Khususnya, kami tidak mengabaikan sebarang tanda pelaburan wang haram yang mencurigakan, contohnya, apabila pembayaran diminta:

- secara tunai, secara ansuran atau dalam mata wang asing,
- ke akaun bank luar pesisir,
- kepada seseorang selain daripada pihak yang membuat kontrak, atau
- untuk perkhidmatan yang sebahagian atau sepenuhnya menyimpang daripada apa yang dipersetujui secara kontrak.

Jika anda mengesyaki pelaburan wang haram atau pembiayaan pengganas, sila hentikan transaksi dengan segera. Sila maklumkan juga kepada penyelia anda serta Pegawai Pematuhan Korporat ([compliance@georgfischer.com](mailto:compliance@georgfischer.com)) tanpa sebarang kelengahan. Jika, atas sebab apa-apa pun, anda ingin membuat laporan anda melalui cara yang tidak diketahui oleh pihak atasan mahupun rakan sekerja, sila kongsikan pemerhatian anda melalui Talian Ketelusan GF.

### Contoh

Rakan kongsi perniagaan yang berasas di negara "A" meminta pembayaran invoice ke akaun di negara "B", atau pembayaran ke akaun yang bukan atas namanya.

### Apakah yang perlu dibuat

Anda tidak memindahkan wang tersebut dan segera maklumkan penyelia dan Pematuhan Korporat anda.

### Mengapa perkara ini penting

Pembayaran tersebut membawa risiko untuk GF membantu and bersubahat dengan pengelakan cukai dan/atau pelaburan wang haram.



## **h. Sekatan perdagangan antarabangsa dan kawalan eksport**

Kerajaan-kerajaan dan badan-badan antarabangsa boleh mengenakan sekatan perdagangan sementara dan boikot yang menjasaskan produk tertentu, yang dikenakan kepada negara-negara atau individu-individu. GF mengiktirafkan keputusan masyarakat antarabangsa. GF mengendalikan aktiviti perniagaannya semata-mata selaras dengan peraturan antarabangsa dan tidak mengeksport sebarang barang atau teknologi yang terjejas oleh sekatan perdagangan.

Semua produk pengeluaran oleh GF bertujuan untuk digunakan secara aman. Dalam kes-kes yang luar biasa, setiap produk boleh digunakan untuk pengeluaran bahan untuk tujuan ketenteraan (yang dipanggil barang dwiguna). Peraturan-peraturan kawalan eksport yang berkaitan mesti dipatuhi untuk produk tersebut. Sekiranya anda menghadapi sebarang keraguan, Dalam kes keraguan, hubungilah agensi kawal se lia di negara individu atau Jabatan Undang-undang Korporat.

**“** Integriti dan etika mencirikan kod tatakelakuan perniagaan.


**Q**

Bolehkah saya menghantar produk GF kepada pelanggan apabila alat kawalan eksport GF menunjukkan bahawa terdapat orang yang dilarang untuk tinggal di alamat pelanggan tersebut?

Sila semak sama ada terdapat beberapa orang atau syarikat di alamat yang sama dan sama ada orang atau syarikat tersebut bergabung atau tidak. Sekiranya terdapat keraguan, hubungi Pematuhan Korporat.

**”**

**A**



## i. Persaingan adil

Selaras dengan prinsip etikanya, GF menjalankan operasi perniagaannya secara adil dan selaras dengan peraturan persaingan kebangsaan dan antarabangsa.

Semua pekerja dikehendaki mematuhi undang-undang antarabangsa dan domestik yang melindungi persaingan yang adil. Ini termasuk khususnya peruntukan mengenai persaingan yang tidak adil dan undang-undang antitrust.

Sebarang perjanjian dengan pesaing-pesaing mengenai harga, syarat jualan, sekatan kuantiti, perkongsian wilayah dan tawaran dalam tender awam dan lain-lain adalah dilarang sama sekali.

Sebarang pertukaran maklumat lain yang boleh mengehadkan persaingan yang adil juga mesti dielakkan. Hubungan dengan pesaing hendaklah dikurangkan ke tahap minimum. Tambahan pula, kami tidak membincangkan strategi dengan pesaing-pesaing kami atau bertukar maklumat perniagaan atau teknikal yang sensitif dengan mereka. Ini adalah benar terutamanya pada acara persatuan profesional dan industri.

Maklumat dengan rakan kongsi usaha sama hanya ditukar setakat mana yang diperlukan untuk mencapai tujuan perniagaan usaha sama.

Pembekal GF juga mesti mematuhi peraturan persaingan yang adil juga. Jika pembekal tidak mempunyai polisi sendiri yang tertentu yang memuaskan bagi GF, pembekal mesti mengikrarkan Kod GF khusus untuk Rakan Niaga sebagai mengikat.

Polisi Korporat mengenai peraturan-peraturan tatakelakuan yang berkaitan dengan undang-undang persaingan menyediakan maklumat tambahan. Sekiranya terdapat sebarang keraguan, Jabatan Undang-undang Korporat harus dihubungi.

**“ Kami tidak menyelaraskan tingkah laku kami atau berkongsi idea kami dengan mana-mana pesaing. ”**



### Contoh

Anda bekerja dalam organisasi jualan GF. Seorang pelanggan menjemput anda ke "Hari Pembekal". Dalam agenda juga terdapat butiran "pertukaran pengalaman".



### Apakah yang perlu dibuat

Anda tidak akan bertukar maklumat dengan pengacara majlis (pelanggan), ataupun dengan tetamu lain (pembekal) tentang sebarang elemen berkaitan harga, kuota, kapasiti pengeluaran, gangguan bekalan, diskauan dan seumpamanya, sama ada dalam perbincangan, perhimpunan, bulatan kecil dan perbualan peribadi atau mesra. Jika ini tidak dapat dielakkan, tinggalkan acara tersebut.



### Mengapa perkara ini penting

Sebarang pertukaran dengan pesaing-pesaing tentang actor, kuantiti pembelian dan syarat yang mempengaruhi harga dalam apa jua bentuk adalah dilarang di bawah undang-undang antitrust. Sebagai perbandingan, apa yang tidak dilarang, sebaliknya, adalah pertukaran berkaitan dan persetujuan semata-mata mengenai parameter teknikal ("piawaian") dalam rangka kerja persatuan industri dan perdagangan, walaupun ini merupakan perkara yang secara umum perlu diperhatikan.

## j. Dagangan Dalaman

Maklumat dalaman termasuk sebarang fakta sulit yang, jika didedahkan, boleh menjaskan harga sekuriti Georg Fischer AG dengan cara yang boleh diramalkan.

Maklumat sulit mungkin timbul dalam keadaan seperti berikut:

- Maklumat kewangan penting, terutamanya keputusan pertengahan tahun dan tahunan yang tidak diterbitkan;
- Projek pengambilalihan atau pelupusan yang lebih besar, termasuk penubuhan dan pembubaran usaha sama;
- Kesimpulan atau penamatan kontrak penting;
- Litigasi dengan jumlah substantial dalam pertikaian;
- Perubahan ketara dalam modal atau struktur pengurusan.

Pekerja yang memiliki maklumat orang dalam tidak diberitahu untuk berdagang dalam sekuriti Georg Fischer AG. Selain itu, maklumat orang dalam tidak boleh didedahkan kepada pihak ketiga, termasuk rakan kongsi, pasangan atau ahli keluarga. Perdagangan orang dalam adalah kesalahan jenayah di kebanyakan negara.

**“ Kami tidak terlibat dalam perdagangan dalaman dan kami tidak mendedahkan maklumat dalaman. ”**

## k. Konflik Kepentingan

Konflik kepentingan timbul apabila seseorang membuat keputusan perniagaan dan pada masa yang sama mempunyai kepentingan peribadi. Kepentingan peribadi juga mungkin adalah untuk faedah rakan atau orang yang berkaitan. Jika potensi konflik kepentingan disyaki dalam apa jua keadaan, pengurus yang berkenaan perlu dimaklumkan.

Anda mesti memastikan aktiviti anda sendiri tidak bercanggah dengan kepentingan GF. Malah penampilan potensi konflik kepentingan harus dielakkan.



### Contoh

Seorang rakan ingin melabur wang dan mempertimbangkan untuk membeli saham GF. Melalui kerja anda di GF, anda tahu bahawa keputusan setengah tahun akan menjadi cemerlang. Sebaik sahaja ia diumumkan, harga saham GF berkemungkinan meningkat. Anda pertimbangkan untuk menasihati rakan anda untuk membeli saham GF sebelum keputusan diumumkan.



### Apakah yang perlu dibuat

Jangan beri isyarat kepada rakan anda dalam apa jua keadaan.



### Mengapa perkara ini penting

Maklumat yang anda ketahui, yang belum diketahui umum, adalah pengetahuan dalaman yang anda tidak boleh berkongsi dengan orang lain dalam apa jua keadaan. Pendedahan mengenai pengetahuan ini secara langsung atau tidak langsung akan menyebabkan anda dikenakan pendakwaan.

**Q**

Adakah konflik kepentingan sentiasa tidak baik?

Tidak, jika anda mendedahkan sebarang kemungkinan konflik kepentingan dan memaklumkan kepada pegawai atasan anda sebelum sebarang keputusan diambil. Sebarang keputusan seterusnya mesti diluluskan oleh pegawai atasan anda, sebaik-baiknya secara bertulis.

**A**

## Bab 5


# Melindungi harta GF

### a. Harta Operasi

Kemudahan-kemudahan di pejabat dan kilang GF telah disediakan untuk menjalankan kerja harian dan perlu dikendalikan dengan teliti oleh pekerja.

Pekerja-pekerja tidak dibenarkan menyalahgunakan harta GF untuk tujuan peribadi atau dengan sengaja merosakkan atau memusnahkan harta tersebut.

Item operasi tertentu, seperti komputer riba dan telefon bimbit, boleh digunakan oleh pekerja untuk tujuan persendirian menurut peruntukan Syarikat GF yang berkaitan. Penggunaan peribadi telefon bimbit semasa waktu bekerja hendaklah dihadkan kepada keperluan penting dan selaras dengan peraturan keselamatan tempatan. Peraturan khas dikenakan kepada penggunaan persendirian kereta syarikat.





## b. Harta Intelek

Harta intelek ialah istilah menyeluruh untuk paten, tanda perdagangan, hak cipta, reka bentuk, rahsia perniagaan, sampel, model dan kepakaran dan sebagainya.

Memandangkan harta intelek GF sangat berharga, semua pekerja-pekerja mesti berhati-hati untuk melindunginya. Sebelum menyerahkan harta intelek kepada pihak ketiga atau menyediakkannya dengan cara lain, perjanjian yang sewajarnya mesti ditandatangani untuk melindungi hak GF.

Jenama dan tanda perdagangan yang mengandungi atau menggabungni jenama atau tanda perdagangan GF mungkin tidak didaftarkan oleh Syarikat GF. Jenama dan tanda perdagangan GF hanya boleh dilesenkan untuk digunakan oleh pihak ketiga dengan kelulusan Ketua Pegawai Eksekutif.

Kami melindungi harta intelek GF dan lain-lain. Semua pekerja-pekerja dikehendaki melaporkan sebarang pelanggaran yang disyaki oleh pembekal, pelanggan atau pihak ketiga lain kepada jabatan Paten & Tanda Perdagangan GF.

**Q**

Pengedar GF meminta anda sebagai pengurus jualan GF yang bertanggungjawab sama ada ia boleh mendaftarkan tanda perdagangan baharu, menggabungkan GF dengan nama syarikat pengedar.

Tidak, secara amnya tidak dibenarkan mendaftarkan sebarang tanda perdagangan yang mengandungi GF.

**A**



## Bab 6

# Pengendalian maklumat, data dan dokumen

## a. Maklumat Sulit

Maklumat sulit termasuk, tanpa bantasan, data teknikal tentang produk dan proses, strategi pemasaran dan jualan, senarai harga pembelian dalaman, data pelanggan, maklumat kewangan bukan awam, maklumat tentang transaksi, kes sivil atau jenayah dan semua data peribadi.

Semua pekerja-pekerja dikehendaki menyimpan maklumat sulit di tempat yang selamat. Maklumat sulit hanya boleh diberi akses kepada atau dikongsi dengan orang lain se-takat mana pendedahan maklumat sulit tersebut amat diperlukan untuk mencapai tujuan perniagaan yang relevan. Sebarang pendedahan maklumat sulit juga mestilah wajar memandangkan tahap kerahsiaan maklumat tersebut. Ini dipakai dalam ukuran yang sama kepada maklumat sulit yang diamanahkan kepada GF oleh pihak ketiga.

Di pejabat yang mempunyai beberapa tempat kerja, pekerja-pekerja dikehendaki mengunci semua dokumen sulit dan mengunci komputer dan alat-alat elektronik lain mereka apabila mereka meninggalkan tempat kerja mereka.

“ Kami melindungi data yang diamanahkan kepada kami dengan mengendalikannya dengan betul, menggunakananya hanya untuk tujuan yang dihasratkan dan dibenarkan, dan mempertimbangkan hak penuh subjek data ”

## b. Perlindungan data

GF mengambil serius perlindungan data peribadi. Ia mematuhi pelbagai undang-undang dan peraturan-peraturan yang melindungi data peribadi dan privasi individu dalam dunia digital. Data peribadi pekerja-pekerja GF, pelanggan, pembekal dan rakan kongsi perniagaan dan proses hanya setakat yang diperlukan untuk hubungan pekerjaan atau perniagaan masing-masing. GF menggunakan peraturan GDPR European Union pada asas seluruh dunia, melainkan peraturan yang lebih ketat dikenakan di negara atau kawasan tertentu.

Q

Saya ingin mencipta “dinding foto”, menunjukkan gambar semua ahli pasukan saya. Bolehkah saya melakukan ini?

Gambar merupakan data peribadi jadi anda mesti mendapatkan persetujuan daripada semua individu yang berkenaan sebelum memaparkan gambar mereka. Jika terdapat individu yang tidak bersetuju, gambar mereka tidak boleh dipaparkan.

A



### c. Tanggungjawab digital korporat dan kepintaran buatan

GF mempunyai codex tanggungjawab digital dan menegaskan prosedur dengan etika digital tertinggi, khususnya apabila membangunkan, menyediakan, menggunakan atau memohon untuk proses automatik dengan penyelesaian kepintaran buatan.



### d. Pengurusan dokumen

Pengurusan dokumen merujuk kepada penciptaan, pengekalan dan pemusnahan dokumen-dokumen.

Di GF kami mendokumentasikan transaksi perniagaan dengan tepat dan sepenuhnya. Semua dokumen-dokumen yang berkaitan dengan perniagaan (termasuk fail elektronik dan mikrofilem) disimpan untuk tempoh berkanun.

Selepas tempoh pengekalan berkanun, dokumen dimusnahkan mengikut peruntukan Direktif Korporat GF mengenai pengekalan dokumen. Sebarang dokumen yang menarik dari segi sejarah hendaklah diserahkan kepada arkib syarikat terlebih dahulu.

Dalam apa jua keadaan, pekerja tidak boleh memusnahkan dokumen yang merujuk kepada litigasi yang akan berlaku atau litigasi berterusan atau prosiding penyiasatan yang akan berlaku atau berterusan. Sekiranya terdapat keraguan, Jabatan Undang-undang Korporat perlu dihubungi.

**“ Tempoh pengekalan dokumen komersial di GF adalah 12 tahun. ”**

# Komunikasi, hubungan media dan penggunaan media sosial

Komunikasi dengan media, penganalisis dan pelabur biasanya dijalankan oleh Komunikasi Korporat dan Perhubungan Pelabur. Pertanyaan-pertanyaan mesti sentiasa dikemukakan kepada salah satu daripada dua jabatan ini.

GF menggunakan media sosial sebagai salah satu daripada banyak saluran untuk berkomunikasi. Pembukaan saluran media sosial baharu untuk GF memerlukan kelulusan daripada kedua-dua pegawai komunikasi / media sosial yang bertanggungjawab di Bahagian masing-masing dan kelulusan bahagian Komunikasi Korporat.

Seboleh-bolehnya, GF memaklumkan pekerja-pekerjanya pada masa yang sama dengan media dan pemegang-pemegang amanah lain.

Kami berkomunikasi dengan media secara bersepada, terbuka dan hormat. Kami tidak memberi sebarang maklumat mengenai prosiding undang-undang yang berterusan dan tidak mengulas mengenai khabar angin.

Apabila menggunakan media sosial, pekerja-pekerja GF mesti menyedari peranan dan tanggungjawab mereka. Sebaik sahaja saluran peribadi memaparkan bahawa seseorang adalah pekerja GF, siaran tersebut akan memberi kesan tertentu kepada GF. Penyiaran, perkongsian atau cara-cara lain menghantar kandungan yang menyalahi undang-undang, mengancam, memfitnah atau apa-apa kandungan lain yang boleh dianggap sebagai kesalahan jenayah, atau boleh memusnahkan reputasi GF, pekerja-pekerjanya, pelanggan, pembekal dan/ atau pemegang-pemegang amanah lain, boleh membawa kepada jenayah penyiasatan dan/atau sekatan tatatertib.



Q

Mengapakah saya tidak boleh menyiaran sebarang kenyataan di media sosial pada masa lapang saya?

Setiap pekerja GF boleh menyiaran kenyataan undang-undang atau maklumat-maklumat lain di media sosial. Walau bagaimanapun, seseorang mesti menyedari bahawa kandungan yang menyalahi undang-undang, mengancam, memfitnah atau apa-apa kandungan lain yang boleh dihukum bukan sahaja boleh menuju kepada pendakwaan jenayah, tetapi juga kepada sekatan tatatertib di GF kerana reputasi cemerlang GF dipertaruhkan.

A

# Salah laku / Pemberi Maklumat / GF Transparency Line

Pekerja-pekerja dikehendaki mematuhi prinsip-prinsip etika dan moral yang ditetapkan dalam Tatakelakuan GF. Tingkah laku yang tidak konsisten dengan Tatakelakuan GF mungkin tertakluk kepada tindakan disiplin yang diambil dalam rangka undang-undang dan peraturan-peraturan yang terpakai, dasar dalaman atau peruntukan-peruntukan kontrak pekerjaan.

Pelanggaran boleh dilaporkan kepada pengurus barisan masing-masing atau jabatan Sumber Manusia. Pekerja-pekerja serta mana-mana pihak ketiga boleh melaporkan pelanggaran tanpa nama dengan menggunakan saluran pemberi maklumat Talian Ketelusan yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan luar profesional yang tersedia 24/7. Pautan-pautan boleh didapati di laman web GF dan juga di intranet GF.

Jabatan Perundangan Korporat di Schaffhausen juga boleh dihubungi terus melalui telefon (Jerman, Inggeris, Perancis atau Itali) atau secara bertulis (apa- apa bahasa) ke alamat e-mel pematuhan [compliance@georgfischer.com](mailto:compliance@georgfischer.com). E-mel ke alamat pematuhan juga boleh dikemukakan tanpa nama. Jabatan Perundangan Korporat akan berusaha untuk melindungi identiti pekerja yang melaporkan pelanggaran.

Laporan salah yang dilakukan dengan sengaja dan tuduhan palsu boleh dikenakan tindakan disiplin dan pendakwaan jenayah.

## GF Transparency Line

Isu dan salah laku yang anda tidak mahu tangani secara terbuka (cth. diskriminasi, buli, serangan seksual dan sebarang jenis pelanggaran undang-undang lain seperti rasuah, dll.) boleh dilaporkan dengan selamat dan tanpa nama melalui saluran sulit, Talian Ketelusan GF, tersedia 24 jam sehari, tujuh hari seminggu dalam sembilan bahasa (Jerman, Inggeris, Cina, Perancis, Itali, Portugis, Romania, Sepanyol dan Turki). Jika anda ingin melaporkan pelanggaran melalui Talian Transparency GF, sila lakukan perkara berikut:

- pergi ke laman web Georg Fischer, kemudian
- tatal ke bahagian bawah halaman hadapan, dan
- klik pada "Whistleblowing".

Selepas itu, anda akan dialihkan sepenuhnya tanpa nama dan tidak dapat dikesan ke tapak web penyedia perkhidmatan luaran yang diperakui, yang beroperasi sepenuhnya di luar dan bebas daripada IT GF dan infrastruktur GF lain, secara eksklusif pada pelayan selamat pembekal perkhidmatan luaran ini. Kandungan laporan anda dihantar dalam bentuk yang disulitkan ke Pejabat Pematuhan Korporat (CCO) GF. Hanya anda dan CCO – tiada orang lain, termasuk pembekal perkhidmatan

– mempunyai akses kepada laporan anda atau boleh menyah-sulitnya. Ini menjamin bahawa tiada siapa yang boleh menentukan identiti anda melainkan anda mendedahkannya sendiri, yang boleh anda lakukan tetapi tidak diperlukan. Selanjutnya, Talian Transparency GF menawarkan anda pilihan untuk menyediakan peti mel selamat untuk komunikasi tambahan dengan CCO. Hanya anda boleh menyediakan peti mel selamat ini. Tiada orang lain. Peti mel selamat ini membolehkan anda dan CCO bertukar maklumat dan mesej, dilindungi daripada akses pihak ketiga, disulitkan dan tidak dapat dikesan.



# Soalan mengenai Kod Tatakelakuan GF

Pengurus barisan adalah titik hubungan pertama untuk soalan mengenai Tatakelakuan GF. Jabatan Perundangan Korporat, yang boleh dihubungi di [code@georgfischer.com](mailto:code@georgfischer.com), juga berbesar hati untuk memberikan maklumat tambahan.

**Adakah anda mempunyai sebarang soalan tentang tatakelakuan?**

Hantar soalan anda kepada: [code@georgfischer.com](mailto:code@georgfischer.com)



## Bab 10

# Kesahihan

Tatakelakuan GF telah diluluskan oleh Jawatankuasa Eksekutif pada 13 Disember 2022 dan berkuat kuasa pada 31 Disember 2022. Ia menggantikan Tatakelakuan GF bertarikh 1 Ogos 2013.



### Jabatan Perundangan

#### Marc Lahusen

Nombor telefon: +41 52 631 21 85  
marc.lahusen@georgfischer.com

### Maklumat Penerbit

**Diterbitkan oleh:** Georg Fischer AG

**Disunting oleh:** Georg Fischer AG, Corporate Development

**Direka oleh:** Siegelwerk GmbH

**Foto oleh:** Nik Hunger, Philippe Roy, Alberto Bernasconi, Anna Schroll, Jan Hosan, Alberto Bernasconi, Keystone, SNB, REDPIXEL - stock.adobe.com, babaroga - stock.adobe.com, ztony1971 - stock.adobe.com, Quality Stock Arts - stock.adobe.com, pitipat - stock.adobe.com

**+GF+**

**Georg Fischer AG**  
Amsler-Laffon-Strasse 9  
8201 Schaffhausen  
Switzerland

Nombor telefon: +41 52 631 11 11  
[www.georgfischer.com](http://www.georgfischer.com)